

**PERSEPSI GURU SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI SEKITAR
JOHOR BAHRU MENGENAI PERSEDIAAN UNTUK MENGAJAR MATA
PELAJARAN LUKISAN KEJURUTERAAN DALAM BAHASA INGGERIS
– SATU KAJIAN SECARA KUALITATIF**

PUA LEE TING

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL: PERSEPSI GURU SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI SEKITAR JOHOR BAHRU MENGENAI PERSEDIAAN UNTUK MENGAJAR MATA PELAJARAN LUKISAN KEJURUTERAAN DALAM BAHASA INGERIS – SATU KAJIAN SECARA KUALITATIF.

SESI PENGAJIAN: 2005/2006

Saya _____ PUA LEE TING
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam (AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

81, Lorong 2, Site B.,
45400Sekinchan,
Selangor

PN. HJH NORANI BTE. MOHD. NOOR

Nama Penyelia

Tarikh: 21 April 2006

Tarikh: 21 April 2006

CATATAN:

* Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

PERSEPSI GURU SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI SEKITAR
JOHOR BAHRU MENGENAI PERSEDIAAN UNTUK MENGAJAR MATA
PELAJARAN LUKISAN KEJURUTERAAN DALAM BAHASA INGGERIS
– SATU KAJIAN SECARA KUALITATIF

PUA LEE TING


Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
Sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2006


AKUAN PENYELIA

“Saya akui saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : Pn. Hjh. Norani Bte. Mohd. Noor
Tarikh : 20 April 2026.

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : Pua Lee Ting
Tarikh : 21-April 2006

DEDIKASI

Untuk ayah dan ibu yang dihormati dan dikasihi.

Abang dan kakak yang disayangi.

Sesungguhnya penghormatanmu menambahkan lagi jalinan.

Kasih sayang dan ikatan kekeluargaan sesama kita.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan ribuan terima kasih kepada pensyarah Pembimbing Projek Sarjana Muda, Pn. Hjh. Norani Bte. Mohd. Noor atas bimbingan, dorongan, tunjuk ajar, perbincangan serta nasihat pakar yang diberikan dalam menjayakan projek ini.

Seterusnya penghargaan ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor atas kebenaran bertulis yang diberikan bagi menjalankan kajian ini.

Tidak ketinggalan juga penghargaan ditujukan kepada Pengetua, Penolong Kanan, guru-guru yang mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di Sekolah Menengah Teknik di sekitar Johor Bahru yang terlibat dengan kajian penulis atas kerjasama yang telah diberikan untuk menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali, penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan apa jua sokongan dan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan Projek Sarjana Muda ini.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian secara kualitatif untuk mengkaji persepsi guru Sekolah Menengah Teknik di Johor Bahru mengenai persediaan untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris. Seramai tujuh orang guru yang mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di tiga buah sekolah menengah teknik di sekitar Johor Bahru telah terlibat dalam kajian ini. Alat kajian yang digunakan ialah lima soalan dalam senarai semakan dan 18 soalan temubual. Kajian menunjukkan hanya dua daripada tujuh orang guru memberi pendapat bahawa mereka sudah sedia dan boleh mengajar dalam bahasa Inggeris. Kebanyakan guru berpendapat bahawa mereka lebih menggemari menggunakan buku teks Lukisan Kejuruteraan versi terkini dalam bahasa Inggeris berbanding dengan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang lain. Empat daripada tujuh orang guru berpendapat bahawa pihak pengurusan sekolah belum dan tidak memberi sokongan tentang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan yang baru mula diajar dalam bahasa Inggeris. Semua guru berpendapat bahawa mereka perlu meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris. Empat daripada tujuh orang guru memberi pendapat bahawa cara yang paling berkesan untuk meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan ialah lebih bercakap dalam bahasa Inggeris.

ABSTRACT

This qualitative research is to investigate teachers' perception about their preparation to teach Engineering Drawings in English in Secondary Technical Schools around Johor Bahru area. There are seven teachers teaching Engineering drawings in Secondary Technical Schools around Johor Bahru area involved in this research. There are five questions in checking list and eighteen interview questions. This research showed that there were only two out of seven teachers were prepared and be able to teach in English. Finding has shown that most of the teachers preferred to use the latest version of Engineering Drawings textbooks than other tools. There were four teachers agreed that the school management has no giving any support due to the teaching and learning Engineering Drawings in English. All of the teachers agreed to improve the level of mastery in teaching the subject Engineering Drawing in English. Majority of the teachers believed that the often practical in speaking could achieve the improvement in skills of teaching subject Engineering Drawing in English.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	AKUAN PENYELIA	ii
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Batasan Kajian	8

1.8	Definisi Kajian	9
1.8.1	Persepsi	9
1.8.2	Guru	9
1.8.3	Sekolah Menengah Teknik	10
1.8.4	Persediaan	10
1.8.5	Mengajar	10
1.8.6	Lukisan Kejuruteraan	11
1.8.7	Bahasa Inggeris	11
2	SOROTAN KAJIAN	12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Penguasaan Bahasa Inggeris	13
2.3	Kajian Lepas Mengenai Perkaitan Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran	14
2.4	Perkembangan Sistem Pendidikan Kebangsaan Selepas 1979	15
2.4.1	Sekolah Bahasa Pengantar Inggeris	16
2.4.2	Sekolah Menengah Teknik	16
2.5	Kepentingan Bahasa Inggeris Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	17
2.6	Pembelajaran Bahasa	18
2.6.1	Matlamat Pembelajaran Bahasa	18
2.6.2	Kemahiran menggunakan Bahasa Inggeris	19
2.7	Pengajaran Guru	19
2.7.1	Persediaan	20
2.7.2	Sikap	20
2.7.3	Minat	20
2.7.4	Keyakinan Diri	21
2.8	Pengetahuan Sedia Ada Pelajar	21

2.9	Kemudahan Pembelajaran	23
2.10	Pihak Pengurusan Sekolah	24
3	METODOLOGI KAJIAN	26
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
3.3	Tempat Kajian	28
3.4	Populasi Kajian	28
3.5	Sampel Kajian	29
3.6	Instrumen Kajian	30
	3.6.1 Senarai Semakan	31
	3.6.2 Temubual	31
3.7	Prosedur Kajian	34
	3.7.1 Peringkat Pertama	34
	3.7.2 Peringkat Kedua	34
	3.7.3 Peringkat Ketiga	35
3.8	Cara Menganalisis Data	35
4	ANALISIS DATA	39
4.1	Pengenalan	39
4.2	Keputusan Hasil Temubual Senarai Semakan	40
4.3	Persoalan Kajian Pertama	41
	4.3.1 Adakah guru sudah bersedia untuk menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?	42
	4.3.2 Adakah guru pernah mengikuti kursus bahasa Inggeris?	45

4.3.3	Apakah persiapan awalan guru untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris?	50
4.3.4	Apakah bahasa yang digunakan oleh guru sekarang semasa mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?	53
4.3.5	Adakah guru sudah menyediakan ABM (Alat Bantu Mengajar) untuk pengajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris?	57
4.4	Persoalan Kajian Kedua	59
4.4.1	Apakah pandangan guru tentang bahan bantu mengajar yang boleh digunakan dalam pengajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris?	60
4.4.2	Adakah guru setuju tentang pengajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan perlu menggunakan bahasa Inggeris yang jelas dan mudah difahami?	63
4.4.3	Apakah pandangan guru tentang penggunaan bahan rujukan Lukisan Kejuruteraan bahasa Inggeris yang terbaru dan mengikut aliran zaman?	67
4.4.4	Apakah bahan bantu mengajar yang disediakan oleh guru untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran Lukisan Kejuruteraan?	70
4.4.5	Adakah guru sanggup memperuntukan wang untuk membeli bahan bantu mengajar yang menggunakan bahasa Inggeris untuk pengajaran dan pembelajaran Lukisan Kejuruteraan?	72

4.5	Persoalan Kajian Ketiga	75
4.5.1	Apakah sokongan yang diberikan oleh pihak pengurusan sekolah kepada guru tentang pengajaran dan pembelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris?	75
4.5.2	Adakah pihak pengurusan sekolah sudah sedia untuk melengkapkan ABM bagi melancarkan pengajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris?	79
4.5.3	Adakah pihak pengurusan sekolah menggalak dan memberi sokongan kepada guru-guru untuk menyertai kursus yang boleh meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris?	81
4.5.4	Pada pendapat guru, apakah sokongan yang sepatutnya diberikan oleh pihak pengurusan sekolah tentang pengajaran dan pembelajara mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris?	84
4.6	Persoalan Kajian Keempat	86
4.6.1	Pada pendapat guru, perlukah guru-guru meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?	86
4.6.2	Adakah guru akan lebih inisiatif untuk meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?	88
4.6.3	Adakah guru akan mengambil peluang untuk mengikuti sebarang seminar atau kursus tentang pengajaran Lukisan Kejuruteraan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai	90

	bahasa pengantar?	90
	4.6.4 Pada pendapat guru, apakah cara yang paling berkesan untuk meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan?	92
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	95
	5.1 Pengenalan	95
	5.2 Rumusan	95
	5.2.1 Kesimpulan Latar Belakang Responden	97
	5.2.2 Kesimpulan Persoalan Kajian Pertama	97
	5.2.3 Kesimpulan Persoalan Kajian Kedua	99
	5.2.4 Kesimpulan Persoalan Kajian Ketiga	100
	5.2.5 Kesimpulan Persoalan Kajian Keempat	101
	5.3 Perbincangan	102
	5.4 Cadangan	112
	5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	113
	5.6 Penutup	114
	RUJUKAN	115
	LAMPIRAN	120
	Lampiran A - F	120 - 160

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL HALAMAN	TAJUK	
3.1	Populasi kajian	29
3.2	Maklumat dan Item Instrumen kajian	33
4.1	Kekerapan dan peratusan tentang sekolah tempat bertugas, jantina, keturunan, pengalaman mengajar dan tahap pencapaian akademik tertinggi responden	40 40 40

SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN

3M		Membaca, Menulis, Mengira
ABM		Alat Bantu Mengajar
APD		Alat Pandang Dengar
BBM		Bahan Bantu Mengajar
ICT		Teknologi Komunikasi dan Maklumat
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
ETTecS		Kursus Bahasa Inggeris Untuk Subjek Teknikal
IPT		Institusi Pengajian Tinggi
IPTA		Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS		Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JPN(J)		Jabatan Pendidikan Negeri (Johor)
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
LK		Lukisan Kejuruteraan

PKE		Pengajian Kejuruteraan Elektrik
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PSM	-	Projek Sarjana Muda
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP		Sijil Rendah Pelajaran
STPM		Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
%	-	Peratus

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN HALAMAN

TAJUK

A	Borang Senarai Semakan & Soalan-soalan Temubual	120
B	Hasil Temubual guru G1 – G7	125
C	Surat Akuan Dari Fakulti Pendidikan, UTM	155
D	Surat Kebenaran Dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM	156 156
E	Surat Kebenaran Dari Jabatan Pelajaran Negeri Johor	158
F	Surat Memohon Kebenaran Untuk Mendapatkan Data Jumlah Bilangan Guru Yang Mengajar Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan	159 159

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan asas teknologi yang teguh bagi meningkatkan proses perindustrian dan pertumbuhan ekonomi adalah satu daripada prasyarat penting bagi mencapai matlamat jangka panjang ini. Kerajaan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian bergantung kepada keperluan teknologi dan keupayaan untuk menerima, menyerap, menyesuaikan teknologi dari luar dan menghasilkan keupayaan teknologi tempatan. Ini merupakan faktor-faktor kritikal yang membolehkan Malaysia mencapai kelebihan persaingan di arena antarabangsa. Adalah wajar sistem pendidikan dan latihan sentiasa dikaji bermula kurikulum, cara dan kaedah penyampaian, peralatan, dan bahan bacaan dan rujukan yang digunakan adalah sesuai untuk mengeluarkan tenaga yang diperlui oleh industri dan pasaran (Mohd. Yusuf, Khalijah, 1992).

Seperti yang kita semua sedia maklum, bahasa Inggeris merupakan bahasa penghantar yang digunakan oleh semua masyarakat di seluruh dunia. Ia juga merupakan bahasa ilmu di dunia kerana sebarang pertukaran maklumat atau perkongsian sesuatu pemahaman nahu dan pembinaan ayat untuk penguasaan bahasa yang dipelajari. Menurut David G. Ryan (dalam Crow & Crow, 1980), guru yang efektif ialah guru-guru yang mempunyai sifat-sifat seperti mempunyai pengetahuan yang mendalam

dalam mata pelajaran yang diajarnya dan mempunyai imaginasi yang tinggi yang membolehkan ia membuat pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar memahami sesuatu konsep yang mudah.

Seorang tokoh neuropsikolinguistik (1978) dalam Sa'ibiah (2000) menyatakan bahawa kebolehan berbahasa dengan baik amat penting untuk menyampaikan sesuatu idea, pengalaman dan sebagainya di samping untuk berhubung dengan dunia luar daripada kita. Walaupun kita mempunyai banyak idea namun tidak ilmu antara masyarakat di seluruh dunia menggunakan bahasa ini untuk berkomunikasi bagi memperolehi apa yang dikehendaki. Sebagai contoh, masyarakat dari negara Senegal yang ingin mendapatkan maklumat daripada masyarakat dari negara Jepun, penggunaan bahasa Inggeris digunakan untuk berkomunikasi bagi mendapatkan apa yang dikehendaki.

Era globalisasi, K-Ekonomi dan keperluan memanfaatkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang melanda dunia pada masa ini menuntut penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan komunikasi bagi manusia bersaing di peringkat antarabangsa. Dari segi kedudukan bahasa dunia yang utama, bahasa yang mempunyai paling ramai penuturnya ialah bahasa Mandarin iaitu sekitar 1.5 bilion, diikuti bahasa Sepanyol, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sekitar 250 juta. Walaupun dari segi status, bahasa Inggeris ialah bahasa ketiga utama di dunia, kita mempelajari dan memberi penekanan serius terhadapnya dalam pendidikan kerana bahasa tersebut ialah pencetus teknologi daripada Barat yang bahasanya ialah Inggeris.

Isu penguasaan bahasa Inggeris telah dibangkitkan kembali. Hal ini menunjukkan suatu tanda betapa prihatinnya segolongan masyarakat terhadap kemajuan ilmu pengetahuan kerana penguasaan bahasa Inggeris amatlah penting untuk bersaing dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, teknologi, pendidikan ataupun politik tanpa mengorbankan jati diri dan identiti rakyat Malaysia dan Melayu khususnya. Kelemahan mempelajari bahasa Inggeris di kalangan pelajar amatlah ketara jika dilihat dari

perspektif penguasaannya dan cara munasabah untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris di kalangan pelajar ialah dengan memperbaiki pengajaran subjek berkenaan (Khairul, 12 Julai 2002).

Kerajaan terpaksa membuat keputusan drastik dengan melaksanakan segera penggunaan bahasa Inggeris tetapi ingin mencuba cara lain iaitu memperbaiki bahasa Inggeris menerusi mata pelajaran Matematik dan Sains. Ini yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani masalah kelemahan bahasa Inggeris di kalangan orang Melayu (Datuk Seri Dr. Mathathir Mohamad, 19 Julai 2002). Ketika ini, banyak buku teks, rujukan dan perisian pengajian serta pembelajaran bermutu ditulis dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu di pasaran dan perpustakaan. Justeru, penguasaan bahasa Inggeris yang baik penting untuk membolehkan pelajar memahami ilmu berkenaan (Berita Harian, 8 Februari 2004).

1.2 Latar Belakang Masalah

Bahasa ialah alat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung antara satu sama lain. Ia berkembang selaras dengan perkembangan yang berlaku kepada masyarakat yang menggunakannya. Dalam sejarah bahasa di dunia, perubahan pada bahasa adalah perkara biasa. Proses permodenan telah berlaku kepada hampir semua bahasa yang masyarakat penuturnya mengalami perubahan. Bahasa Inggeris, misalnya, mengalami perubahan ini dalam abad ke sembilan belas, iaitu adalah bahasa tersebut terpaksa membicarakan tajuk yang sebelum ini belum pernah dibicarakannya (Awang Had, 1981).

Kongres Pendidikan Melayu baru-baru ini sebenarnya sudah menyerlahkan perkara sebenar mengenai kesan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (meliputi semua mata pelajaran berikut: Matematik, Matematik Moden, Matematik Tambahan, Sains, Sains Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, mata pelajaran teknik di

sekolah teknik dan semua kursus pengajaran di kolej, kolej universiti, politeknik dan universiti) (Berita Harian, 4 April 2005).

Tulisan Wan Emeril Nizam Kuala Lumpur (2 April 2005) amat tepat. Semangat kongres pada ketika itu turut menekankan akan kepentingan menguasai bahasa asing khususnya bahasa Inggeris. Rakyat Malaysia yang rasional tidak akan menolak akan hal ini. Kerap kali apabila isu antarabangsa dan global diperkatakan, penguasaan bahasa Inggerislah yang menampaknya amat diberi perhatian dan dipentingkan. Ia menjadikan ada yang tenggelam dalam global itu sendiri kerana hanya bertindak sebagai reaktif kepada isu dan permasalahan dan bukannya secara proaktif (Berita Harian, 4 April 2005).

Menurut Ahmad Jusoh (Berita Harian, 22 April 2005), seorang pengajar di Sekolah Menengah Teknik (SMT), pengajaran mata pelajaran sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah menengah teknik mulai 2006. Ini bermakna mulai 2006 pelajar yang memasuki sekolah menengah teknik terpaksa mengikuti hampir keseluruhan subjek dalam bahasa Inggeris seperti Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, mata pelajaran Kejuruteraan (teori dan amali), Lukisan Kejuruteraan, Bahasa Inggeris dan Bahasa Inggeris EST.

Menurut Ahmad Jusoh (Berita Harian, 22 April 2005), sekolah menengah teknik akan kembali menjadi sekolah aliran Inggeris menjelang 2006. Ini mungkin menimbulkan pelbagai masalah kepada pelajar dan guru. Menurut beliau, subjek Kejuruteraan ialah subjek yang memerlukan kefahaman jelas dari segi konsep. Jika pelajar menghadapi masalah penguasaan bahasa Inggeris, bolehkan maklumat yang ingin disampaikan akan tercapai? Yang jelasnya apabila pengajaran yang disampaikan kepada pelajar sukar difahami, sudah pasti ia akan menimbulkan rasa bosan dan secara tidak langsung membunuh minat pelajar.

Perkara inilah yang harus dititikberatkan oleh pihak pembuat dasar sebelum perubahan itu dilaksanakan. Pada masa ini guru yang ditugaskan mengajar mata pelajaran Kejuruteraan hanya diberikan kursus singkat iaitu 15 hari. Adakah ini dapat membantu guru terbabit menyampaikan pengajaran mereka dengan baik (Berita Harian, 22 April 2005).

Menurut Berita Harian (4 April 2005), walaupun beberapa kerat pemimpin kesatuan guru kelihatan semacam masih menyokong pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya yang berhadapan secara langsung dengan segala kemelut ini ialah guru dan pelajar dan bukannya pemimpin kesatuan atau guru besar dan pengetua yang sekadar memimpin dan melapor. Pada satu sudut lain pula kita perlu jelas pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tidak menyebabkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris sebalik mana. Yang jelas satu demi satu pelajaran dan kursus berunsur sains dan matematik yang sebenarnya sangat banyak itu yang selama 30 tahun ini talah menggunakan bahasa Melayu dengan jayanya, akhirnya berganti dengan bahasa Inggeris.

Cara yang lebih wajar untuk memperbaiki mutu bahasa Inggeris pelajar dengan meningkatkan kemahiran mengajar di kalangan guru-guru yang terlibat dengan subjek tersebut kerana tanpa guru yang mahir dan tanpa kaedah pengajaran yang berkesan, maka mutu bahasa Inggeris tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, kemerosotan mutu bahasa Inggeris di kalangan pelajar kita adalah disebabkan oleh kekurangan kemudahan prasarana yang baik dan akibatnya semakin tinggi persekolahan pelajar semakin merosot penguasaan bahasa Inggeris mereka (Ahmad Yuzaidi B. Abdul Wahab, 2003).

Sebenarnya pihak kementerian dan pihak pengurusan di sekolah yang berkenaan hendaklah memberi sokongan yang sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan yang akan diajar dengan bahasa Inggeris bagi menyediakan para pelajar untuk memasuki dunia teknologi komunikasi dan maklumat.

1.3 Pernyataan Masalah

Tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Inggeris memang sering menjadi bahan perbincangan. Ia bukan saja di kalangan pendidik, khususnya yang mengajar bahasa Inggeris di sekolah serta institusi pengajian tinggi (IPT), tetapi juga kerajaan dan masyarakat. Meskipun ada usaha menterjemah buku ilmiah berbahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, kemampuan itu terbatas disebabkan lambakan buku, jurnal dan maklumat dalam bahasa Inggeris.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tujuan penyelidikan untuk menjalankan kajian secara kualitatif terhadap persepsi guru Sekolah Menengah Teknik di Johor Bahru mengenai persediaan untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengetahui persiapan awalan mengenai pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Teknik di sekitar Johor Bahru.
2. Mengetahui persepsi guru mengenai bahan bantu mengajar yang boleh digunakan untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam bahasa Inggeris.
3. Mengenal pasti sokongan daripada pihak pengurusan sekolah tentang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan yang akan diajar dalam bahasa Inggeris.

4. Mengetahui cara yang akan digunakan untuk meningkatkan penguasaan guru dalam Bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam Bahasa Inggeris.

1.5. Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah persediaan awalan mengenai pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah di sekitar Johor Bahru?
2. Apakah persepsi guru mengenai bahan mentah mengajar yang boleh digunakan untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam Bahasa Inggeris?
3. Bagaimanakah sokongan pihak penguasaan sekolah tentang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan yang akan diajar dalam Bahasa Inggeris?
4. Bagaimanakah cara yang akan digunakan untuk meningkatkan penguasaan guru dalam Bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dalam Bahasa Inggeris?